

19/11/2001

Seri Paduka jalani rawatan lanjut di tanah air

KUALA LUMPUR, Ahad - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, hari ini pulang ke tanah air untuk menjalani rawatan lanjut di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, selepas menjalani pembedahan kecil dan rawatan selama hampir dua bulan di Hospital Mount Elizabeth, Singapura.

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, Kol Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, dalam kenyataan rasmi Istana Negara, berkata ketibaan baginda di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang awal pagi ini, disambut Pemangku Raja Selangor dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seri Paduka yang tiba dengan pesawat khas kira-kira jam 6.15 pagi dari Singapura, dibawa ke Pusat Perubatan Gleneagles Intan di Jalan Ampang untuk rawatan lanjut. Seri Paduka diiringi pakar perunding kardiologi Hospital Mount Elizabeth, Datuk Dr Richard Ng.

Turut menyambut baginda ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman, kerabat diraja Selangor dan pegawai Istana Negara.

Beliau berkata, Seri Paduka dalam keadaan stabil dan menasihatkan orang ramai supaya tidak bimbang dengan keadaan baginda.

Pada 20 September lalu, baginda dimasukkan ke Hospital Mount Elizabeth untuk pemeriksaan kesihatan selama seminggu.

Baginda dimasukkan semula ke hospital berkenaan pada 2 Oktober dan menjalani pembedahan memasang alat pacemaker pada 6 Oktober.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melawat Seri Paduka di hospital itu jam 10.30 dan meluangkan masa kira-kira 40 minit.

Turut melawat baginda ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Dr Mahathir pernah menziarahi Seri Paduka tiga kali ketika dirawat di Mount Elizabeth selepas baginda menjalani pembedahan.

(END)